

ILAM NORTHERN CHAPTER
ilamalaysia.nc@gmail.com

ILAM SOUTHERN CHAPTER
ilamalaysia.sc@gmail.com

ILAM EASTERN CHAPTER
ilamalaysia.ec@gmail.com

ILAM SABAH CHAPTER
ilamalaysia.sabah@gmail.com

ILAM SARAWAK CHAPTER
ilamalaysia.sarawak@gmail.com

ILAM YOUTH CHAPTER
ilamalaysia.youth@gmail.com

KENYATAAN AKHBAR

KONGRES PERSEKUTUAN ARKITEK LANDSKAP ANTARABANGSA (IFLA) 2020 LEBIH 1,000 PESERTA DARI SELURUH DUNIA DIRAMAL SERTA (IFLA) 2020

KUALA LUMPUR – Malaysia meramalkan lebih 1,000 peserta dari seluruh dunia bakal menyertai Kongres Persekutuan Arkitek Landskap Antarabangsa (IFLA) 2020 yang bakal berlangsung pada 18 hingga 22 Ogos depan.

Sidang Kemuncak Arkitek Landskap Dunia ke-57 yang julung kalinya bakal diadakan secara maya itu akan dipancarkan secara langsung dari Georgetown, Pulau Pinang. Pulau Mutiara dipilih sebagai lokasi utama kerana statusnya sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO yang kaya dengan budaya masyarakat setempat dan destinasi pelancongan antarabangsa popular.

Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Prof Madya Dr Suhardi Maulan berkata, situasi pandemik yang tidak menentu di seluruh dunia tidak menghalang Malaysia untuk menjadi tuan rumah kongres tersebut bagi membincangkan secara serius tentang isu landskap yang berkait rapat dengan alam sekitar, kesejahteraan masyarakat budaya dan ekonomi.

“Tema IFLA 2020 pada tahun ini adalah ‘Future Tense’ dan merangkumi empat sub tema kritikal iaitu budaya homogen & kepelbagaian populasi, bencana alam, kehidupan sementara dan sumber terhad.

“Arkitek landskap dan pelbagai profesion kepakaran lain akan berhimpun selama lima hari untuk membincangkan isu-isu masa depan (*future tense*) yang selari dengan aspirasi *Sustainable Development Goals (SDG) 2030*,” katanya yang juga Dekan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina di Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Tambah Dr Suhardi, Pengarah Eksekutif di UN-Habitat, Datuk Maimunah Mohd Sharif akan turut menyampaikan ucapannya tentang SDG pada kongres berkenaan.

Kata beliau, selain membincangkan isu alam sekitar, delegasi dari segenap dunia berpeluang bertukar-tukar idea dan inspirasi bagi memastikan profesion seni bina landskap bersedia untuk berdepan dengan keperluan masyarakat dan kehidupan bandar untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Terdapat dua program khas disediakan buat mahasiswa seni bina landskap iaitu pertandingan rekabentuk dan 'design charrette' yang menyediakan peluang kepada pelajar dari seluruh dunia bekerjasama sebagai satu pasukan sambil dibimbing oleh fasilitator berpengalaman.

Untuk rekod, kali pertama Malaysia menjadi tuan rumah Kongres Dunia IFLA adalah pada tahun 2007 di ibu negara. Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah Kongress IFLA Asia Pasifik pada tahun 2002 di Kuala Lumpur dan pada 2014 di Kuching, Sarawak.

Selain itu, kongres tersebut bukan sahaja terhad kepada arkitek landskap dan mahasiswa seni bina landskap, malahan penyertaan daripada orang awam amatlah dialu-alukan.

"ILAM berharap platform ini dapat melahirkan lebih banyak idea-idea baharu dalam bidang seni bina landskap dan memberikan solusi kepada isu-isu masa depan, sekali gus meningkatkan lagi kesedaran terhadap profesion ini di Malaysia," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut tentang IFLA 2020 dan cara untuk menyertainya, orang awam boleh layari laman web www.ifla2020.com

PROF. MADYA LAr. Dr. SUHARDI BIN MAULAN

Presiden

Institut Arkitek Landskap Malaysia

24 Jun 2021